

Aidilfitri di kota atau kampung

Oleh : Mymetro- 5/08/2104

Memang sudah jadi adat dari dulu lagi anak muda akan pulang ke kampung menjelang Aidilfitri. Namun HAZRIL MDNOR dapati ada anak muda yang memilih beraya di kota saja kerana ada sesuatu yang menarik boleh dilakukan bersama keluarga dan rakan

Aidilfitri kali ini mungkin tidak seceria tahun lalu kerana negara berdepan dengan tragedi yang amat menyayat hati.

Namun, di sebalik kesedihan itu, penulis percaya ramai anak muda mahu menggembirakan ahli keluarga dan sanak-saudara di kampung dan bandar. Pulang ke pangkuan insan tersayang pastinya menjadi adat yang tidak boleh ditinggalkan.

Jika pada zaman dulu ramai anak muda pulang ke kampung menyambut lebaran, zaman sekarang lain pula kisahnya. Bukan semua anak muda menggemari suasana beraya di kampung. Jika ditanya mengapa, pelbagai alasan diberi. Ada sudah terbiasa dengan kehidupan di bandar dan tidak kurang juga mereka yang tidak suka suasana perayaan di kampung.

Dalam erti kata lain, bukan semua golongan remaja berkesempatan beraya di kampung halaman. Disebabkan sesetengah pekerjaan yang memerlukan mereka untuk terus bekerja, mahu atau tidak, mereka terpaksa memilih kota tempat tinggal sebagai destinasi beraya sementara anak muda lain bebas pulang ke kampung memeriahkan hari raya bersama ahli keluarga dan saudara terdekat.

Apa sebenarnya perbezaan yang ketara untuk kedua-dua pilihan destinasi ini? Masing-masing mempunyai percanggahan pendapat. Ada antara kamu yang gemarkan suasana hari raya di kota dan sebaliknya. Walau apa pun alasan, kedua-dua destinasi pasti memuaskan hati dan tidak mengurangkan sedikit pun kemeriahan hari raya nanti. Ikuti temubual Gen Y bersama dua remaja yang menyuarakan pendapat mereka akan pilihan destinasi ketika menyambut Aidilfitri kali ini.

Kota jadi pilihan

Graduan universiti Mohd Syafiq, 21, lebih gemarkan suasana hari raya di Kuala Lumpur kerana boleh berhibur bersama kawan.

"Bagi saya, lebih seronok menyambut hari raya di Kuala Lumpur kerana saya lebih gemar menghabiskan masa berhibur bersama rakan. Tidak sah jika tidak menonton wayang pada hari raya pertama. Disebabkan rakan juga ramai beraya di sini, itu menjadi galakan untuk kami berkumpul dan melakukan aktiviti bersama.

"Memang suasana sangat berlainan berbanding di kampung. Jalan raya lengang, tidak banyak bunyi kenderaan dan kadangkala agak sukar untuk mencari kedai makan. Namun, saya tidak kisah asalkan ada hiburan kerana pada masa sama, ibu bapa dan saudara menyambut hari raya di sini, jadi kami boleh melawat mereka pada bila-bila masa.

"Keluar dengan rakan memang lebih seronok kerana mereka memang 'sporting' dan ada saja idea menarik dikongsikan untuk hiburan bersama. Selain menonton wayang, kami juga pergi bercuti jika berkesempatan. Walaupun begitu, kemeriahan hari raya tetap terasa buat saya dan rakan.

"Beraya di bandar juga seronok. Malah, lebih banyak duit raya boleh dikumpul di sini. Ketika masih kecil, saya pernah mengumpul sehingga ratusan ringgit duit raya hanya dengan beraya di rumah saudara terdekat. Kalau di kampung, tidak banyak macam itu.

"Kalau nak diikutkan, adat memang takkan hilang di dunia. Pada hari raya pertama hingga ketiga, memang seronok berhibur bersama dan pada hari raya keempat, saya akan mengikut ibu bapa melawat saudara terdekat. Semua ini sudah cukup memberikan saya suasana raya yang meriah walaupun tidak mempunyai peluang beraya di kampung seperti anak muda lain," katanya.

Seronok lagi di kampung

Lain pula pendapat Alisa Adnan, gadis berusia 22 tahun yang masih menuntut di Kolej Politeknik Mara (KPTM) yang memilih kampung halaman sebagai destinasi utama menjelang Aidilfitri.

"Setiap tahun ibu bapa saya tidak pernah ketinggalan pulang ke Kelantan kerana di sana kediaman datuk dan nenek. Saya dan adik-beradik memang lebih gemarkan suasana hari raya di kampung kerana pernah menetap di sana selama dua tahun.

"Di kampung, pelbagai tradisi boleh dilihat seperti aktiviti memasak leman dan membuat dodol. Memanglah di bandar juga ada tradisi demikian, namun di kampung lebih meriah kerana nenek dan datuk yang sudah berpengalaman turut serta menceriakan suasana. Ditambah pula dengan kehadiran meriam buluh dan mercun, itu lebih menyeronokkan kerana saya berpeluang menikmati permainan yang sudah lama menjadi tradisi anak muda di negeri pantai timur.

"Lagipun di sana lebih ramai sanak saudara yang boleh dikunjungi berbanding di Kuala Lumpur. Mungkin pengalaman selama dua tahun di sini yang menyebabkan saya mencintai suasana hari raya di Kelantan di samping boleh melihat keindahan infrastruktur rumah yang unik dan ada gaya. Bagi saya, di sana lebih aman dan ceria kerana ramai pulang ke kampung halaman.

"Lagipun, saudara terdekat hampir semuanya berasal dari Kelantan. Itu yang menyebabkan saya dan keluarga pulang ke kampung untuk melawat mereka. Keluarga kami juga besar dan kebiasaannya kami berkumpul beramai-ramai di rumah datuk dan nenek menjelang Aidilfitri," katanya.